



**EMBARGO sehingga 25 Jun 2015, 5:00 petang**

## **SIARAN MEDIA**

### **PKS Perlu Beralih daripada Pertumbuhan Dipacu Input kepada Pertumbuhan Dipacu Produktiviti dalam Rancangan Malaysia Ke-11**

**Putrajaya, 25 Jun 2015** - Rancangan Malaysia Ke-11 yang diumumkan baru-baru ini merupakan tempoh terakhir bagi mempercepat pertumbuhan PKS ke arah mencapai negara berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020. Malaysia telah mempunyai sebuah Pelan Induk yang menyeluruh untuk PKS membangunkan keupayaan dan daya saing mereka. Tumpuan dalam tempoh enam (6) tahun akan datang adalah untuk mempercepat pelaksanaan Pelan ini, khususnya inisiatif berimpak tinggi yang akan memudahkan peralihan kepada pertumbuhan yang dipacu produktiviti berbanding tenaga buruh. Kenyataan tersebut dibuat hari ini selepas Mesyuarat Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan (MPPK) ke-18, yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri Dato' Sri Mohd Najib Tun Haji Abdul Razak, dengan ahlinya terdiri daripada Menteri dan Ketua Agensi, termasuk dari Sabah dan Sarawak, yang terlibat dengan pembangunan PKS di negara ini.

Mesyuarat mengambil maklum terhadap perkembangan terkini dan perbincangan mengenai strategi ke hadapan dalam pembangunan PKS. Meskipun berhadapan cabaran yang kian meningkat berikutan tekanan kos dan persaingan berikutan pembaharuan dan liberalisasi yang berterusan, kadar pertumbuhan PKS terus kukuh, mengatasi pertumbuhan ekonomi keseluruhannya. Kadar pertumbuhan tahunan purata PKS di sepanjang tempoh 2011 - 2014 adalah 6.9% berbanding pertumbuhan keseluruhan KDNK sebanyak 5.4%. Ini menunjukkan bahawa PKS telah dapat menyesuaikan keadaan dengan persekitaran perniagaan yang berubah-ubah. Satu

perkara yang perlu diberi perhatian adalah, KDNK PKS meningkat secara ketara pada tahun 2014, iaitu sebanyak 13.6% dan ini menyebabkan sumbangan PKS kepada KDNK meningkat kepada 35.9% (2013: 33.5%). Pertumbuhan dua angka tersebut sebahagian besarnya disebabkan oleh kesan sekali sahaja berikutan definisi baharu PKS yang telah mula berkuat kuasa pada bulan Januari 2014. Hasilnya, kira-kira 8,000 firma yang sebelum ini dikategorikan sebagai firma bersaiz besar kini tergolong dalam kategori PKS. Di samping itu, pertumbuhan PKS juga kekal kukuh, disokong oleh penggunaan dan aktiviti dalam negeri.

Tahun ini, PKS dijangka terus berada pada landasan pertumbuhan yang lebih mampan, dengan kadar pertumbuhan sebanyak 6 – 7% sejajar dengan trend ekonomi global dan Malaysia. Ini juga terbukti menerusi hasil Kaji Selidik PKS terkini dalam suku pertama tahun 2015 yang dijalankan oleh SME Corp. Malaysia. Pada suku kedua dan ketiga tahun 2015, PKS dijangka berdepan cabaran dari segi kos dan isu lain berikutan pelaksanaan Cukai Barang dan Perkhidmatan (*Goods and Services Tax, GST*) namun aktiviti perniagaan dijangka meningkat selepas itu. Beberapa responden juga menyatakan bahawa GST telah memberi manfaat kepada operasi perniagaan mereka melalui pengurusan perniagaan yang lebih baik dan peningkatan penggunaan ICT.

Melangkah ke hadapan dalam tempoh RMKe-11, Pelan Induk PKS akan terus menjadi asas dalam melaksanakan program pembangunan PKS dengan tumpuan dalam empat (4) bidang utama, iaitu produktiviti, inovasi, keusahawanan dan keterangkuman. Dalam konteks ini, Mesyuarat telah dimaklumkan mengenai perkembangan pelaksanaan enam Program Berimpak Tinggi (HIP) di bawah Pelan Induk PKS. Dalam bidang inovasi terutamanya, sejak HIP 2 atau Platform Pengkomersialan Teknologi dilancarkan pada bulan Mei 2014 oleh PlatCOM Ventures Sdn. Bhd., anak syarikat milik penuh Agensi Inovasi Malaysia, sebanyak 36 PKS telah diserapkan ke dalam program tersebut daripada 381 PKS yang disenarai pendek dan dua (2) daripada syarikat tersebut telah mengkomersialkan produk mereka. Bagi kumpulan 40% terendah dalam piramid pendapatan, inovasi dipermudahkan melalui HIP 6 atau Program Inovasi Inklusif yang dijalankan oleh Yayasan Inovasi Malaysia, agensi di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI). Sejak program ini bermula lima (5) bulan lalu, ianya

telah menunjukkan perkembangan yang positif dengan 250 komuniti dan tiga (3) inovator yang terlibat telah mendapat faedah dan bantuan.

Di samping itu, Program *Going-Export* (HIP 4) yang bertujuan membantu PKS yang bersedia untuk mengeksport, yang dilaksanakan oleh MATRADE, agensi di bawah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri telah memberi manfaat kepada 71 syarikat dengan dua (2) syarikat telah mendapat kontrak jualan berjumlah lebih daripada RM1.8 juta. HIP 5 atau Program Pemangkin yang dijalankan oleh SME Corp. Malaysia telah mengenal pasti 30 PKS dalam segmen BioNext untuk menyertai Program tersebut. Manakala projek HIP 1 yang diterajui oleh MAMPU untuk memudahkan usaha menjalankan perniagaan menerusi gerbang tunggal bagi pendaftaran dan pelesenan perniagaan sedang giat dilaksanakan. InfoPortal Pendaftaran dan Pelesanan Perniagaan dijangka siap pada akhir tahun 2015, manakala integrasi pendaftaran dan pelesenan akan dilaksanakan secara berfasa kerana ia melibatkan tiga (3) peringkat Kerajaan iaitu persekutuan, negeri dan pihak berkuasa tempatan.

Berdasarkan perkembangan ekonomi dan statistik terkini, MPPK telah bersetuju untuk mengkaji semula sasaran makro yang ditetapkan di bawah Pelan Induk PKS. Sasaran KDNK PKS bagi tahun 2020 sebanyak 41% kekal tidak berubah, namun PKS akan berada pada trajektori pertumbuhan baharu dengan kadar tahunan purata sebanyak 8%, lebih rendah berbanding kadar 8.7% yang telah ditetapkan sebelum ini. Sementara itu, sumbangan PKS kepada guna tenaga telah disemak semula kepada 65% pada tahun 2020 daripada 62% sebelum ini, manakala sumbangan PKS kepada eksport terkini adalah 23% daripada 25% sebelum ini.

Majlis telah membincangkan mengenai peranan MPPK sebagai badan tertinggi yang menyelia penyelaras menyeluruh program keusahawan dan pembangunan PKS dalam memastikan keberkesanan pelaksanaan dasar, manakala SME Corp. Malaysia adalah merupakan agensi utama dalam menyelaraskan program pembangunan PKS merentasi semua Kementerian dan Agensi. Justeru itu, semua agensi penyelaras

baharu perlu melapor status terkini kepada MPPK bagi memastikan tiada sebarang pertindihan.

Majlis telah dimaklumkan mengenai pencapaian program pembangunan PKS yang telah diselaras, dipantau dan dinilai secara progresif oleh SME Corp. Malaysia selaku Agensi Penyelaras Pusat, melalui Pelan Tindakan Bersepadu PKS (SMEIPA). SMEIPA menyediakan maklumat dan penilaian berkenaan keberkesanan program-program yang telah dilaksanakan bagi menyokong pembangunan PKS.

Mesyuarat telah dimaklumkan bahawa pada tahun 2014, Kerajaan bersama sektor swasta telah melaksanakan sebanyak 162 program pembangunan PKS dengan komitmen kewangan berjumlah RM9.94 bilion. Program-program tersebut telah diklasifikasikan di bawah lima (5) bidang tumpuan seperti digariskan dalam Pelan Induk PKS iaitu Pembangunan Modal insan; Akses kepada Pembiayaan; Penerapan Inovasi dan Teknologi; Akses kepada Pasaran; dan Infrastruktur yang mana telah memanfaatkan PKS melalui 569,816 projek yang telah diluluskan.

Pada tahun 2015, sebanyak 163 program telah dirancang dan sedang dilaksanakan dengan komitmen kewangan berjumlah RM11.34 bilion yang dijangka akan memacu kejayaan 478,509 projek.

Selain daripada itu, Majlis ini juga telah dimaklumkan mengenai penubuhan Portal e-Dagang ASEAN *Market Place* (aMP) yang dilancarkan pada 26 Mei 2015 sempena penganjuran Pameran dan Persidangan PKS ASEAN oleh SME Corp. Malaysia. aMP berhasrat untuk menjadi portal sehenti untuk membantu PKS ASEAN secara umum untuk mengakses maklumat mengenai pasaran, teknologi dan kewangan. Ianya akan membolehkan PKS Malaysia untuk berkembang di pasaran serantau dan global, serta menggalakkan penerapan ICT untuk kecekapan dan keberkesanan perniagaan. aMP merancang untuk menyediakan maklumat mengenai akses kepada kewangan dan modal insan di masa hadapan. Sebanyak lima (5) inisiatif ASEAN telah dirancang oleh ACASIA sempena Malaysia menjadi tuan rumah ASEAN pada tahun ini, iaitu ASEAN *Market Place* (aMP) (Mei 2015); ASEAN *Regional Connectivity* (aRC) (Julai 2015);

*ASEAN Broadcast Hub* (aBH) (Ogos 2015); *ASEAN Internet Exchange* (aIX) (November 2015); dan *ASEAN Command Center* (aCC) (Disember 2015).

Portal ini dikendalikan oleh pembekal perkhidmatan bersepadu, ACACIA Communications Sdn. Bhd., sebuah entiti tempatan yang terdiri daripada gabungan tujuh (7) syarikat komunikasi besar ASEAN sebagai pemegang saham, iaitu CAT (Thailand); Indosat (Indonesia); PLDT (Filipina); Telbru (Brunei); TM (Malaysia); Singtel (Singapura); and VNPT (Vietnam).

Sekretariat

Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan (MPPK)

25 Jun 2015

-Tamat-

Untuk pertanyaan media, sila hubungi Puan Raja Rozaila Azman di 03-2775 6203 (emel: rozaila@smecorp.gov.my) dan Puan Sarahana Mohamad di 03-2775 6225 (emel: sarahana@smecorp.gov.my).

**PERBADANAN PERUSAHAAN KECIL DAN SEDERHANA MALAYSIA  
(SME CORP. MALAYSIA)**

Aras 6, SME 1, Blok B, Platinum Sentral  
Jalan Stesen Sentral 2, Kuala Lumpur Sentral  
50470 Kuala Lumpur, Malaysia  
Tel: 603-2775 6000  
Faks: 603-2775 6001  
<http://www.smecorp.gov.my>  
Emel: info@smecorp.gov.my

Mengenai SME Corp. Malaysia

SME Corp. Malaysia merupakan sebuah Agensi Penyelaras Pusat yang menggubal dasar umum dan strategi PKS serta menyelaras pelaksanaan Program Pembangunan PKS anjuran semua Kementerian dan Agensi yang berkaitan. Ia bertindak sebagai pusat rujukan setempat bagi penyelidikan dan penyebaran data PKS serta sebagai pusat perhubungan untuk maklumat dan menyediakan khidmat nasihat untuk PKS di Malaysia. SME Corp. Malaysia turut memainkan peranan sebagai Sekretariat kepada Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan (MPPK) yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia.